

RMK-9 jadikan Malaysia lebih maju

Um-5/2/2006

KEPALA BATAS 4 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan dibentangkan beliau di Parlimen, April ini dapat menjadikan Malaysia sebuah negara lebih maju bagi memberikan kehidupan yang lebih baik kepada rakyat.

Justeru, Perdana Menteri meminta setiap lapisan rakyat memberi sumbangan masing-masing ke arah menjayakan RMK-9.

Jelasnya, sumbangan tersebut boleh dibuat dalam pelbagai bentuk bagi memastikan perpaduan kaum di negara ini sentiasa dipupuk dan dipelihara.

Menurutnya, hubungan baik antara kaum amat penting jika rakyat mahu hidup, bekerja dan berniaga dalam suasana aman dan selesa.

"Semuanya bergantung kepada kita kerana kitalah yang membuatnya (negara) jadi baik dan elok.

"Baik di kalangan dewasa, pemuda dan kanak-kanak di sekolah, perpaduan amat penting," katanya ketika berucap pada majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran MCA Bahagian Kepala Batas di Penang Golf Resort di sini hari ini.

Sumbangan

Beliau sebelum itu menghadiri sambutan rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran Gerakan Bahagian Kepala Batas di Pusat Budi Penyayang, di sini.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyerahkan cek sumbangan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang masing-masing berjumlah RM200,000 dan RM100,000 kepada wakil Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Sin Chung, Permatang Sintok dekat sini bagi tujuan pembinaan semula banguannya.

Menurut Perdana Menteri, beliau menyedari masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah yang terpaksa berpindah bagi memberi laluan kepada projek pembangunan.

"Masalah ini tidak boleh dibiarkan, jadi saya bagi perhatian nombor satu terhadapnya. Sekarang masalah ini telah selesai dan saya berterima kasih kepada Gerakan dan MCA yang bekerjasama mengatasi masalah yang dihadapi oleh sekolah ini," ujarnya.